

02/08/1998

Dr Mahathir kembali bertugas

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali bekerja di pejabatnya, semalam, tidak sampai tiga jam selepas tiba di negara ini dengan penerbangan selama 10 jam dari Johannesburg untuk lawatan seminggu ke negara Afrika.

Antara tugas pertamanya ialah mempengerusikan mesyuarat mingguan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Perdana Menteri terus ke pejabatnya untuk memulakan kerjanya," kata seorang pembantu.

Dengan tidak langsung menunjukkan keletihan daripada penerbangan yang lama itu, Dr Mahathir mengadakan satu sidang media yang singkat mengenai hasil lawatannya ke Afrika.

Beliau juga diberi taklimat mengenai perkembangan terbaru mengenai isu berlanjutan antara Malaysia dan Singapura berhubung dengan pusat pemeriksaan imigresen di stesen keretapi Tanjung Pagar di selatan republik itu.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, pada jam 6.45 pagi.

(END)